

JUR LEX READ

#*BLOCK
OUT*2024

*WAVE
EXPRESSION
OF
FREEDOM*

**HAFIQ
HASAN
BASRI**

ULASAN DRAMA:

***W: TWO
WORLDS***

Writes:

***A JOURNEY OF
EXPLORATION
AND GROWTH***



JUU LEX READ

e-ISSN: 2811-3462



POLEMIK ANAK TAK SAH TARAF:

IMPLIKASI DAN SOLUSI

Oleh: Amylia Fuziana Azmi & Farihana Abdul Razak
(amyli2597@uitm.edu.my) & (farihana@uitm.edu.my)

Pengenalan

Isu anak tak sah taraf adalah merupakan satu isu yang menjadi buaian hangat netizen pada ketika ini. Hal ini dapat dibuktikan dengan penghasilan drama-drama televisyen dan video tular di media sosial yang menetengahkan isu sensitif ini. Isu ini bukanlah sesuatu yang baru, namun pemahaman dan pengetahuan mengenai isu ini masih berada di tahap yang membimbangkan. Rata-rata masyarakat tidak mengambil berat akan isu berkaitan nasab ini. Selain mengundang reaksi dan perhatian daripada pelbagai pihak, isu ini sememangnya wajar diberi perhatian yang lebih khusus agar ia dapat dikendalikan dengan lebih baik di masa yang akan datang.

Definisi Anak Tak Sah Taraf

Dari sudut pendefinisian, anak tak sah taraf ditafsirkan di dalam seksyen 2 Enakmen

Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Sembilan 2003 seperti berikut;

"tak sah taraf" berhubung dengan seseorang anak, ertinya dilahirkan di luar nikah dan bukan anak dari persetubuhan syubhah;

Menyentuh mengenai isu ini, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-57 ("Muzakarah Fatwa Kebangsaan") telah membincangkan mengenai anak tak sah taraf dan memutuskan seperti berikut:

1. Anak tak sah taraf ialah anak yang dilahirkan di luar nikah sama ada akibat zina atau rogol dan dia bukan daripada persetubuhan syubhah atau bukan daripada anak perhambaan.

2. Anak dilahirkan kurang dari 6 bulan 2 lahzah (saat) mengikut Takwim Qamariah daripada tarikh tamkin (setubuh).

Ulama' telah memberi pendefinisian yang pelbagai terhadap terma anak tak sah taraf, namun maksudnya adalah lebih kurang sama. Ia boleh ditakrifkan sebagai anak zina atau anak yang terhasil di luar perkahwinan yang diiktiraf oleh syarak (Wan Ismail et al., 2020).

PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG MENGENAI ISU ANAK TAK SAH TARAF

Dari aspek perundangan, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 mempunyai peruntukkan bagi isu hak penjagaan dan nafkah yang melibatkan anak tak sah taraf.

Seksyen 86. Penjagaan anak-anak tidak sah taraf.

Penjagaan kanak-kanak tidak sah taraf adalah semata-mata pada ibu dan saudara mara ibu.

Seksyen 81. Kewajipan untuk menanggung nafkah anak-anak tidak sah taraf

(1) Jika seseorang perempuan cuai atau enggan menanggung nafkah seseorang anaknya yang tidak sah taraf yang tidak berupaya menanggung nafkah dirinya, melainkan seorang anak yang dilahirkan akibat rogol, Mahkamah boleh, apabila hal itu dibuktikan dengan sewajarnya, memerintahkan perempuan itu supaya memberikan apa-apa elaun bulanan yang difikirkan munasabah oleh Mahkamah.

(2) Elaun bulanan di bawah seksyen ini hendaklah kena dibayar dari tarikh bermulanya kecuai atau keengganan menanggung nafkah itu atau dari sesuatu tarikh yang kemudian sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu.

(3) Jika perempuan yang disebut dalam subseksyen (1) tidak berupaya untuk menanggung nafkah dirinya, kewajipan itu adalah ditanggung oleh Baitulmal.

KEKELIRUAN DAN IMPLIKASI

NAFKAH

Anak tak sah taraf sememangnya berhadapan dengan pelbagai jenis cabaran. Antara persoalan yang wujud berdasarkan perbincangan mengenai isu anak tak sah taraf adalah berkenaan isu tuntutan nafkah. Persoalannya, bolehkan si ibu menuntut nafkah bagi si anak daripada bapa biologi anak tersebut, di mana anak tersebut diperoleh hasil daripada luar nikah?

Bagi menjawab kepada persoalan ini, peruntukkan undang-undang di atas jelas membuktikan bahawa tanggungan nafkah bagi anak tak sah taraf adalah di bawah tanggungjawab ibu kandung anak tersebut. Oleh itu, seorang perempuan yang melahirkan anak tak sah taraf tidak boleh menuntut nafkah anak ke atas bapa biologi anak tersebut di mana-mana Mahkamah Syariah. Walaupun begitu, seandainya persetujuan bersama berkenaan hak jagaan dan nafkah anak tak sah taraf di antara ibu kandung dan bapa biologi anak tersebut berjaya dicapai, suatu perjanjian persetujuan boleh dilakukan dan disahkan di Mahkamah Syariah.

Menyentuh mengenai soal ketidakmampuan menyediakan nafkah, **seksyen 81(3)** memperuntukkan bahawa sekiranya ibu tidak berkemampuan di dalam menyediakan nafkah kepada anak tak sah taraf, tanggungjawab ini akan tertanggung ke atas Baitul Mal.

▶▶▶▶ HADHANAH

Hadhanah atau hak penjagaan kanak-kanak adalah amat penting untuk ditentukan di mana penentuan pihak yang layak mendapat hak **hadhanah** perlu dilakukan dengan penuh teliti dan berhemah kerana ia melibatkan emosi, kasih sayang dan kerjasama dari orang dewasa untuk tujuan pengurusan kebajikan kanak-kanak. Perbincangan mengenai isu **hadhanah** ini telah dibincangkan pada penulisan penulis pada edisi yang lalu. Merujuk kepada peruntukan-peruntukan di atas, hak penjagaan anak tak sah taraf diberikan kepada ibu kandung dan saudara mara ibu kandung tersebut sahaja.

▶▶▶▶ NASAB

Baru-baru ini, tular lagi mengenai pasangan yang mempunyai anak bersama, namun masih gagal untuk bernikah atas pelbagai alasan dan faktor. Mengupas mengenai isu ini, antara persoalan yang wujud adalah sama ada anak tersebut boleh di nasabkan (bin/binti) kepada bapa biologi anak tersebut. Ramai yang masih keliru adakah anak itu masih dianggap sebagai anak tak sah taraf seandainya ibu kepada anak tersebut berhasrat untuk mengahwini teman lelakinya (iaitu ayah biologi kepada anak tersebut)?



Menjawab persoalan ini, anak tak sah taraf tidak boleh dinasabkan kepada lelaki yang menyebabkan kelahirannya atau kepada sesiapa yang mengaku menjadi bapa kepada anak tersebut. Justeru, mereka kehilangan hak di dalam pusaka atau pewarisan harta, serta tidak menjadi mahram dan tidak berkelayakan menjadi wali (Wan Ismail et al., 2020).


▶▶▶▶ PUSAKA

Menurut kajian yang dilakukan oleh Zanariah Noor (2018), anak tak sah taraf hanya boleh mewarisi harta pusaka daripada keluarga sebelah ibu sahaja. Ini menunjukkan bahawa harta milik bapa biologi anak tak sah taraf tersebut adalah terkecuali dan tidak boleh diwarisi. Walaubagaimanapun, penulis turut menyatakan bahawa pemberian harta melalui kaedah hibah boleh dilakukan oleh bapa biologi terhadap anak tak sah taraf. Hal ini adalah kerana hibah boleh diberikan kepada sesiapa sahaja, termasuklah orang asing yang tidak mempunyai pertalian kekeluargaan dengan si pemberi.

▶▶▶▶ WALI

Kuasa perwalian di dalam sesebuah pernikahan adalah dimiliki oleh kerabat nasab sebelah lelaki. Namun, menyentuh mengenai hak di dalam perwalian bagi anak tak sah taraf, ia diwakili oleh wali hakim.

Selain itu, **seksyen 7** memperuntukkan mengenai orang yang boleh mengakadkan perkahwinan. Menurut **seksyen 7(2)**, ia dengan jelas menyebut sekiranya pihak perempuan tidak mempunyai wali nasab, maka perkahwinan itu akan diakadnikahkan oleh Wali Raja atau Hakim. Secara tidak langsung, peruntukkan ini menunjukkan bahawa perkahwinan bagi seseorang wanita



yang tidak mempunyai wali daripada nasab masih lagi diiktiraf dan hukumnya adalah sah di sisi hukum syarak.

Selain daripada isu-isu di atas, anak tak sah taraf juga lebih cenderung untuk mengalami ketidakstabilan emosi dan tekanan akibat kekecewaan mengenai nasib dan tekanan yang perlu ditanggung, selain turut berdepan dengan permasalahan dan cabaran dalam isu perkahwinan. Lebih tragis lagi apabila ia melibatkan penerimaan masyarakat yang cenderung untuk menjatuhkan hukum dan melabel anak tak sah taraf ini sebagai golongan yang terasing.

KESIMPULAN DAN SOLUSI

Permasalahan yang melibatkan isu nasab ini tidak boleh dipandang remeh kerana banyak perkara yang berkait rapat dengan kesan yang tidak baik akibat daripada perbuatan ini. Lebih menyedihkan lagi, kedudukan anak tak sah taraf ini menjadikan mereka tidak berkelayakan untuk mendapat pengiktirafan di dalam beberapa perkara termasuklah hak untuk nasab dan pusaka.

Menyedari akan kepentingan isu ini, ramai pihak yang mula menghasilkan naskah atau karya yang diterjemahkan di dalam bentuk drama dan video. Walau bagaimanapun, kajian yang lebih terperinci perlu dilakukan agar karya yang dipaparkan kepada penonton mampu memberi manfaat, sekaligus tidak mengelirukan mereka. Hal ini adalah penting bagi mengelakkan penonton daripada memperoleh informasi yang tidak tepat gara-gara skrip yang digarap tidak dikaji terlebih dahulu. Oleh itu, penulis skrip

dan mempengaruhi khususnya perlu menitik beratkan mengenai fakta dan dalil yang tepat sebelum berhasrat untuk membuat sebarang perkongsian.

Penghasilan drama dan video sebegini jika dilihat dari sudut positif mampu memberi pengajaran dan nilai-nilai murni kepada masyarakat. Mereka akan lebih cakna & memahami mengenai status dan kedudukan anak tak sah taraf ini. Masyarakat perlu belajar untuk lebih memahami daripada menghakimi mereka dengan sesuatu yang tidak baik kerana perkara yang berlaku adalah diluar kawalan serta bukan pilihan mereka.

Keterlibatan menyeluruh daripada semua pihak amat penting bagi membendung perlakuan zina dan seterusnya memberikan solusi yang tuntas bagi mengelakkan daripada terhasilnya anak tak sah taraf ini. Akhir sekali, masyarakat juga turut memainkan peranan penting untuk mendapat pendedahan ilmu asas mengenai isu ini agar polemik ini dapat ditangani bersama.

RUJUKAN

Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003

Zanariah Noor, (2018). Status & Hak Anak Tak Sah Islam Dalam Undang-Undang Malaysia, Sains Humanika 10:34, 61-69

Wan Ismail et al., (2020). Faktor Dan Penyelesaian Isu Anak Tak Sah Taraf Dalam Kalangan Masyarakat Islam Di Malaysia, Vol. 3 No. 1, pp. 136-146 2020 E-ISSN: 2735-1742

